

Setahun PRU13: Adun PKR seru kenali kekuatan Pakatan, berada di jalur tengah politik
Malaysian Insider
5 Mei, 2014

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) PKR Nik Nazmi Nik Ahmad hari ini menyeru pemimpin Pakatan Rakyat (PR) agar mengenali kekuatan parti pembangkang itu walaupun ada di kalangan pemimpinnya melihat akan berlaku perpecahan.

Setelah setahun PR berjaya memenangi 52% undi popular semasa Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) tahun lalu, Adun Seri Setia itu berkata kekuatan PR muncul apabila wujud kerjasama tiga parti komponen dalam parti pembangkang berkenaan.

"Kita mesti belajar daripada sejarah bahawa kekuatan Pakatan muncul apabila PKR, PAS dan DAP menumpukan untuk bekerjasama antara satu sama lain dan berada di jalur tengah politik.

"Kita mesti fokus pada isu kesenjangan ekonomi yang akan menjadi semakin lebar dengan pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) serta penarikan balik subsidi untuk rakyat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Semalam, Penasihat DAP Lim Kit Siang dalam satu kenyataan berkata PR berdepan dengan kemungkinan untuk berpecah setelah PAS bertegas mahu membawa isu hudud ke Parlimen.

Katanya, ancaman perpecahan yang akan berlaku dalam PR tidak boleh dipandang remeh kerana isu itu menjadi 'tornado politik' sejak beberapa minggu lalu.

Nik Nazmi berkata perjuangan untuk melakukan perubahan kepada sistem pentadbiran Malaysia perlu diteruskan merangkumi isu ekonomi, jenayah dan perundangan.

Katanya, kerajaan negeri yang dipimpin PR harus terus melakukan reformasi supaya sokongan rakyat Malaysia dapat dikekalkan.

"Kita mestilah sensitif di dalam berurusan dengan masyarakat Malaysia yang majmuk dan kompleks. Ini termasuk tekanan berterusan terhadap pimpinan Pakatan yang mana contoh utamanya ialah kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita tidak boleh sekali-kali hanya menjadi versi negeri Barisan Nasional (BN) yang lebih baik, sebaliknya negeri Pakatan mestilah membawa model yang berbeza sama sekali," katanya.

Timbalan speaker DUN Selangor itu berkata jika pemimpin PR terus leka dan tidak melakukan reformasi maka kejatuhan juga akan menanti PR sebagai mana berlaku kepada BN.

"Jika kita tidak menyedari perkara ini, kita akan hilang sokongan rakyat. Kita tidak boleh mengambil mudah sokongan mereka.

"Itulah yang terjadi kepada Umno dan BN. Mereka dihukum oleh rakyat," katanya. – 5 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/setahun-pru13-adun-pkr-seru-kenali-kekuatan-pakatan-berada-di-jalur-tengah>